

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**PENERIMAAN IBU BAPA DAN PELAJAR TERHADAP  
PENDIDIKAN MUZIK DI SEKOLAH RENDAH:  
SUATU KAJIAN KUALITATIF**

**IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN SENI MUZIK (KEPUJIAN)**

**FAKULTI PENDIDIKAN**

**DISEDIAKAN OLEH**  
**NAZILAWATI BINTI ABDUL MANAF**  
**2000334195**  
**SHAH ALAM**  
**SESI DISEMBER 2000**

## PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya saya dapat menyiapkan satu tesis yang paling bermakna dalam diri saya. Setinggi-tinggi penghargaan dan sekalung budi saya ucapkan kepada Prof. Madya Dr. Ramona Mohd. Tahir kerana telah banyak memberikan bantuan yang tidak terhingga kepada saya dalam menyediakan tesis ini.

Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada semua ibu bapa yang turut sudi meluangkan masa dan memberi kerjasama dalam temuramah yang telah dijalankan bagi pengumpulan maklumat tesis ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih saya kepada guru-guru dan pelajar pelajar Sekolah Kebangsaan Sungai Lui, Hulu Langat dan Sekolah Kebangsaan Seri Langat, Banting yang turut sama memberi kerjasama dalam proses temuramah yang dijalankan. Terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada semua yang terlibat bagi menyiapkan tesis ini dengan jayanya.

## **ISI KANDUNGAN**

### **PENGHARGAAN**

### **BAB**

<b>1 PENGENALAN.....</b>	<b>1</b>
Latar Belakang.....	1
Tujuan Kajian.....	7
Skop Kajian.....	8
Kaedah Kajian.....	9
Organisasi Kandungan.....	10
<b>2 HURAIAN LITERATUR.....</b>	<b>11</b>
<b>3 HASIL TEMURAMAH BERSAMA IBU BAPA DAN PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH RENDAH.....</b>	<b>22</b>
Latar Belakang Ibu Bapa yang Ditemuramah.....	22
Huraian Jawapan Temuramah Ibu Bapa.....	31
Latar Belakang Pelajar yang Ditemuramah.....	34
Huraian Jawapan Temuramah Pelajar.....	39
Peranan Ibu Bapa dalam Memperkembangkan Pendidikan Muzik Anak-Anak.....	42
Latar Belakang dan Minat Terhadap Muzik.....	43
Kepentingan Pendidikan Muzik Dalam Kurikulum Sekolah Rendah.....	43
Saranan Ibu Bapa dalam Memperkembangkan Pendidikan Muzik.....	47
<b>4 SINTESIS MAKLUMAT</b>	
Pendapat Di Antara Ibu Bapa dengan Pelajar yang Ditemuramah.....	45

-Minat Ibu Bapa dan Pelajar Terhadap Muzik.....	45
-Kepentingan Pendidikan Muzik Terhadap Anak-Anak.....	46
-Kepentingan Pendidikan Muzik dalam Kurikulum Sekolah Rendah.....	47
-Persamaan Latar Belakang Muzik.....	48
Perbandingan Di Antara Hasil Temuramah dan Bahan Bacaan.....	48
<b>5 KESIMPULAN</b>	
Ringkasan.....	51
Rumusan .....	53
Saranan.....	56
<b>BIBLIOGRAFI.....</b>	58

## BAB 1

### PENGENALAN

#### Latar belakang

Pendidikan merupakan salah satu faktor penting dalam melahirkan rakyat yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab, berupaya mencapai kesejahteraan dan memberi sumbangan untuk keharmonian dan kemakmuran negara serta memainkan peranan utama dalam proses pembangunan bangsa ke arah mewujudkan rakyat yang bersatu padu.

Kurikulum Bare Sekolah Rendah (KBSR) telah diperkenalkan kepada umum dan telah dilaksanakan di sekolah-sekolah rendah disebabkan kurikulum lama mempunyai banyak kelemahannya dari segi isi kandungan mahupun matlamat pendidikannya. Perancangan dan perlaksanaan program KBSR adalah hasil kajian atas pencapaian murid-murid sekolah rendah di bawah program Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR). Perlaksanaan Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR) telah menunjukkan ramai murid masih belum mahir dalam membaca, menulis dan mengira, sungguhpun mereka telah belajar di sekolah rendah selama enam tahun. Antara kelemahan-kelemahan lain dalam